

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(34)
Tarikh : 16 September 2021

KENYATAAN MEDIA

Rizab Biosfera Bukit Bendera (PHBR) : Rizab Biosfera UNESCO ke-3 di Malaysia

Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) secara rasmi mengumumkan penyenaian Rizab Biosfera Bukit Bendera (PHBR) sebagai tapak Rizab Biosfera negara yang terbaru di bawah Program Manusia dan Biosfera (MAB) pada Mesyuarat *The 33rd Session of the Man and the Biosphere Programme International Coordinating Council (MAB-ICC)* yang diadakan di Abuja, Nigeria pada 13 September 2021 hingga 17 September 2021. Penghargaan berprestij ini merupakan Rizab Biosfera UNESCO yang ketiga diisytiharkan di Malaysia; selepas Tasik Chini di Pahang dan Banjaran Crocker di Sabah.

PHBR merangkumi tiga ekosistem utama, iaitu ekosistem darat, marin dan persisiran pantai; dan merangkumi kawasan seluas 12,481 hektar meliputi kawasan seperti Bukit Bendera, Taman Negara Pulau Pinang, Taman Botani Pulau Pinang, Empangan Teluk Bahang, Empangan Ayer Itam, enam (6) hutan simpan kekal yang merupakan Hutan Simpan Bukit Kerajaan, Hutan Simpan Teluk Bahang, Hutan Simpan Laksamana, Hutan Simpan Penara Bukit, Hutan Simpan Highlands dan Hutan Simpan Pantai Aceh serta beberapa kawasan tadahan air di Pulau Pinang.

Menurut UNESCO, rizab biosfera adalah "tempat belajar untuk pembangunan mampan". Program MAB yang dilancarkan oleh UNESCO pada tahun 1971 bertujuan untuk menggalakkan pendekatan lestari terhadap pembangunan ekonomi yang berkaitan dengan sosial dan budaya. Pada masa ini, terdapat 714 rizab biosfera di 129 negara, termasuk 21 tapak rentas sempadan di bawah Rangkaian Rizab Biosfera Dunia (WNBR).

Kawasan *core* PHBR dengan keluasan 5,757 hektar adalah tempat yang dilindungi untuk menjalankan kerja-kerja pemuliharaan biodiversiti serta aktiviti penyelidikan dan pendidikan. Sementara itu, kawasan *transition* yang dihubungkan ke kawasan *core* oleh zon *buffer* merangkumi aktiviti-aktiviti manusia dalam kawasan PHBR termasuk penempatan manusia, aktiviti komersial dan rekreasi.

Selain menjadi habitat kepada ribuan biodiversiti endemik, PHBR adalah luar biasa kerana ia terletak pada jarak hanya beberapa minit dari pusat bandar di mana terletaknya tapak Warisan Dunia UNESCO Georgetown. PHBR akan berfungsi sebagai pusat hijau utama untuk Pulau Pinang di mana aktiviti ekonomi yang mampan dapat dijalankan secara bersama dengan usaha pemuliharaan alam sekitar.

Usaha untuk mencalonkan Rizab Biosfera Bukit Bendera (PHBR) bermula pada 2016 yang diselaraskan oleh Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) dengan kerjasama *The Habitat Group*, ahli akademik dari Universiti Sains Malaysia dan pelbagai agensi kerajaan negeri dan persekutuan serta sokongan jitu dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) yang merupakan *national focal point*. *Dossier* telah dihantar untuk penilaian pada bulan September 2020 setelah empat tahun penyelidikan dijalankan.

“Saya ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh pasukan dan semua pihak yang telah bekerja keras dalam mencapai pengiktirafan berprestij oleh UNESCO ini. Selain mengeratkan hubungan harmoni antara manusia dan alam, PHBR juga membuka jalan bagi Bukit Bendera dan kawasan sekelilingnya untuk menjadi tempat pembelajaran bertaraf dunia dalam meneroka dan menggambarkan kaedah pemuliharaan dan pembangunan lestari. Kami berharap dapat menghasilkan pendekatan inovatif dan hijau; selari dengan visi **Penang2030** dan menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri contoh yang cemerlang dalam kerja-kerja pemuliharaan dan pembangunan ekonomi yang mampan di Malaysia.” kata Ketua Menteri Pulau Pinang Y.A.B Tuan Chow Kon Yeow yang juga merupakan Pengerusi Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang.

EXCO Pelancongan dan Ekonomi Kreatif Pulau Pinang, YB Yeoh Soon Hin juga mengalu-alukan pengiktirafan oleh UNESCO dan melihat kelebihanannya untuk sektor pelancongan negeri ini. “Pulau Pinang sangat unik kerana sekarang kita mempunyai tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dan PHBR yang terletak di Pulau Pinang. PHBR akan membuka peluang yang luas untuk industri pelancongan di mana para pengunjung dapat menikmati dan belajar mengenai lanskap semula jadi dan struktur bersejarah yang terletak di seluruh pulau dari Bukit Bendera sehingga Teluk Bahang. Ia secara tidak langsung dapat memupuk rasa cinta terhadap persekitaran ekosistem dan memberi kesedaran tentang kepentingan memulihara khazanah alam semula jadi.” ujarnya.

“PBBPP berterima kasih kepada Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, agensi persekutuan dan negeri, ahli akademik, *The Habitat Group*, dan semua yang membantu bagi menjayakan pengiktirafan ini. PBBPP akan terus bekerjasama erat dengan pihak berkepentingan (*stakeholders*) dan rakan kongsi (*partners*) bagi memulihara dan memelihara biodiversiti serta khazanah warisan. Penyenaraian PHBR secara tidak langsung akan mendorong kajian penyelidikan yang lebih baik mengenai pemahaman kita terhadap biodiversiti dan pembangunan lestari. PBBPP berharap akan turut terlibat dalam perkongsian ilmu bersama anggota Rangkaian Rizab Biosfera Dunia (WNBR) untuk menerapkan amalan terbaik bagi memenuhi objektif Kerajaan Negeri dan program MAB,” ulas Dato’ Cheok Lay Leng, Pengurus Besar Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang.

Justeru, dengan penyenaraian PHBR, terdapat perkara-perkara yang masih perlu diteliti dan diperhalusi. PBBPP akan bekerjasama dengan semua agensi, pihak berkepentingan (*stakeholders*), ahli akademik dan rakan kongsi (*partners*) yang berkaitan dalam menyediakan satu garis panduan dan tindakan yang menggunakan amalan terbaik untuk pembangunan dan pengurusan tapak PHBR yang lestari.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi PBBPP di talian 04-828 8880 sambungan 324/211/344 atau emel ke corpcomm@penanghill.gov.my

#TAMAT#

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang adalah untuk menguruskan perkhidmatan furnikular dan pembangunan Bukit Bendera demi mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta visi untuk menjadi pusat peranginan pilihan di Malaysia.

Unit Komunikasi Korporat

Izatul Aziah binti Ismail
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
izatul@penanghill.gov.my

Ahmad Aizat bin Khalid
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
aizat@penanghill.gov.my

Vivien Loo
Penang Hill Corporation
Tel: 04-828 8880
vivienloo@penanghill.gov.my